



NASHAIRI MOHD NAWI | BERITA HARIAN

BERSIH: Fasa 3 membabitkan terusan yang akan dibina khusus di kawasan tanah lapang di tepi Sungai Melaka bagi memudahkan bot bersaiz besar membuat pusingan.

BH 13/11

Projek pengindahan dipercepat

MELAKA: Projek pengindahan Sungai Melaka fasa ketiga bernilai RM100 juta bermula 8 November lalu, dua bulan lebih awal berbanding perancangan asal pada awal tahun depan.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Datuk Paduka Keizrul Abdullah berkata, projek berkenaan diawalkan atas permintaan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam bagi memastikan ia dapat disiapkan sebelum sambutan Festival Sungai Melaka yang dijadualkan April tahun depan.

Katanya, festival berkenaan adalah antara acara utama kerajaan negeri sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.

Katanya, setakat ini tidak ada sungai di negara ini yang dirawat dan diberikan perhatian sepenuhnya seperti yang

dilakukan terhadap Sungai Melaka menerusi projek berkenaan.

"Apabila projek ini siap kelak, Sungai Melaka akan menjadi salah satu sungai tercantik di Malaysia. Ia akan menjadi antara tarikan utama pelancong di negeri ini," katanya.

Beliau berkata, keseluruhan projek mengandungi lima fasa dan fasa keempat dan kelima belum ditentukan bila pelaksanaannya. Fasa pertama dan kedua sebelum ini masing-masing menelan kos RM120 juta dan RM90 juta.

Keizrul berkata, apabila keseluruhan fasa siap dilaksanakan, Sungai Melaka akan diiktiraf berada pada kelas kedua tahap piawai keselamatan sungai.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Sumber

Asli, Datuk Suboh Mohd Yassin, berkata usaha pemulihan sungai akan berjaya apabila infrastruktur sungai ditambah baik serta mendapat sokongan masyarakat.

"Masyarakat kita perlu memupuk sikap sayangkan sungai, sayangkan alam sekitar dan sayangkan kualiti kehidupan kerana semuanya bermula dengan tindakan kita sendiri.

"Permasalahan struktur berkaitan sungai juga perlu diambilkira yang mana peningkatan sistem pengaliran sungai dan penambahbaikan kualiti pepejal yang masuk dalam sungai juga perlu dititikberatkan.

"Justeru kerjasama masyarakat dengan JPS, agensi berkaitan sungai serta alam sekitar amat penting untuk kita mengorak langkah ke arah menjadi masyarakat dan negara maju," katanya.